



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.64/2019

PENJELASAN MENGENAI KEKELIRUAN LAPORAN MEDIA BERKENAAN PINDAAN HAD UMUR MENGUNDI 18 TAHUN DAN PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum bahawa terdapatnya laporan media yang tidak tepat dan mengelirukan berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai **pendaftaran pengundi secara automatik dapat dilaksanakan bersekali dengan pindaan kepada had penurunan umur tanpa perlu lagi mendapat kelulusan Parlimen**.

Dengan ini, SPR ingin memberi penjelasan lanjut seperti di bawah:

1. Usul yang dibentangkan pada hari ini di Dewan Rakyat adalah berhubung Perkara 119(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun sahaja.
2. Usul ini tidak melibatkan apa-apa cadangan untuk pendaftaran pengundi secara automatik.
3. Pelaksanaan usul pindaan kepada Perkara 119(1)(a) Perlembagaan Persekutuan tersebut yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini, hanya boleh dilakukan setelah pindaan dibuat kepada Borang A di bawah Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan Borang 10 di bawah Peraturan 19(10) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.
4. Untuk tujuan tersebut, salinan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 perlu dibuat edaran di dalam sesi persidangan Dewan

Rakyat untuk perhatian serta makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat.

5. Manakala apa-apa usul mengenai pendaftaran pengundi secara automatik pula akan melibatkan pindaan kepada Perkara 119, khususnya Perenggan (4)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini adalah berbeza dari usul pindaan mengenai penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 04 Julai 2019 / 1 Zulkaedah 1440H